

Skandal perisik Australia disiasat

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap pemimpin pembangkang yang menerima sogokan wang daripada Perkhidmatan Perisikan Sulit Australia (Asis).

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan menyiasat dahulu laporan akhbar Australia itu, termasuk kemungkinan tindakan mereka itu bertentangan dengan kepentingan negara.

“Sesungguhnya kita dukacita jika Australia mencampuri politik negara ini dengan memberi bantuan kewangan kepada parti pembangkang.

“Kita akan selidik dan kita perlu ambil tahu apakah benar atau tidak (laporan itu), dan siapa yang terbabit.

“Walaupun kita sedar perkara ini (siasatan) bukan perkara yang mudah kerana sudah tentu kita perlu kerjasama pegawai risikan Australia, tetapi kita mungkin dapat mengikuti perkembangan di Australia,” katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas laporan akhbar *Sunday Telegraph* bahawa ejen-ejen Asis membayar berpuluh-puluh ribu dolar kepada pemimpin pembangkang di Malaysia dan Singapura tanpa kebenaran Canberra.

Menurut laporan itu yang menetik kenyataan bekas ejen Asis, sogokan wang tunai oleh Asis berlarutan sejak beberapa tahun bermula sewaktu anggota Parlimen berkenaan masih baru.

Sogokan itu ditambah sepadan dengan pengalaman dan kematangan mereka.

Menurut ejen itu, bayaran sulit dan pengurusannya menunjukkan bagaimana Asis dengan sendirinya memilih untuk mencampuri secara langsung urusan politik sesebuah negara asing tanpa arahan tertentu.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata laporan itu sesuatu yang baru kepadanya dan jika perkara itu tidak dibangkitkan oleh bekas ejen Asis, kerajaan tidak tahu mengenainya.

“Jika kerajaan mendapati pembangkang melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan negara, saya hampir pasti kerajaan terpaksa berbuat sesuatu.

“Bagaimanapun, kita kena berhati-hati dalam perkara ini kerana kita tidak mahu dilihat seolah-olah membuat pendakwaan terhadap pemimpin politik pembangkang,” katanya.

“Seperti anda tahu, ia adalah cara yang tidak popular. Malah adalah popular untuk mendakwa kerajaan daripada mendakwa pembangkang,” katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan menubuhkan suruhanjaya khas menyiasat perkara itu, Dr Mahathir berkata: “Kita tidak perlu menubuhkan suruhanjaya itu tetapi kita kena siasat untuk memastikan laporan itu betul atau tidak dan